

# Kualiti hidup rakyat diutamakan

Pelbagai program termasuk Felda terbukti berjaya tangani kemiskinan: Najib

**Pilihan raya kecil  
DUN Machap**

Oleh Azman Zakaria  
dan Osman Lisut

**A**LOR GAJAH: Kualiti hidup yang dinikmati rakyat, termasuk di tanah rancangan Felda adalah hasil daripada pelbagai usaha yang dilaksanakan kerajaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan berjaya mengatasi masalah kemiskinan di kawasan luar bandar, dengan memperkenalkan rancangan tanah Felda.

"Felda adalah senjata kita yang tajam dalam memerangi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar di seluruh negara sejak 50 tahun lalu.

"Melalui usaha ini kita dapat basmi kemiskinan dengan rekod terbaik di kalangan negara membangun," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian sumbangan kepada warga Felda di Masjid Felda Hutan Percha di sini, malam tadi.

Pada majlis itu, Najib turut mengumumkan peruntukan RM100,000 untuk membesarkan masjid berkenaan.

Hadir sama Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam dan

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.


Najib berkata, semua nikmat itu adalah hasil kepimpinan Barisan Nasional (BN) yang mentadbir negara sejak merdeka, yang tidak boleh dilakukan pembangkang.

Malah, beliau percaya, usaha seumpama itu tidak ada dalam agenda parti pembangkang.

Sementara itu Pergerakan Wanita BN dikerah mendekati pengundi di Machap dan menunjukkan cara mengundi yang betul kepada mereka bagi mengelakkan kertas undi rosak pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap, 12 April ini.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata analisis pilihan raya lalu menunjukkan 202 kertas undi rosak di DUN Machap dan menjadi keutamaan Ketua K10 serta ahli jawatankuasa di bawahnya menemui pengundi terbabit untuk memberi pengetahuan cara mengundi kepada penduduk.

Beliau yang ditemui selepas melawat Bilik Gerakan Wanita di Melaka Perdana, di sini, semalam, berkata program itu akan dilakukan pada program mengunjungi rumah ke rumah bermula esok (hari ini), berbanding berceramah di dewan kerana dianggap kurang sesuai dan tidak boleh disampaikan secara efektif kepada golongan sasaran.



**KESELESAAN PENDUDUK:** Mohd Ali (dua dari kiri) dan calon BN, Lai Meng Chong (tengah) serta pemimpin masyarakat merasmikan pili bomba sebagai tanda pemasangan paip saiz 150mm di Kampung Orang Asli Machap Umboo, semalam.